

Wakil KUKUM Terus Cemerlang Acara Golf

Mohd Sharul bin Musa dan Roshaidi bin Ramli, kakitangan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah berjaya membantu Negeri Perlis muncul juara di dalam Kejohanan Golf Berpasukan, Majlis Kebajikan Sukan Anggota-Angota Kerajaan (MAKSAK) yang telah berlangsung di Seremban International Golf Club dan Paradise Valley Golf Club, Seremban, Negeri Sembilan pada 10-12 Jun 2005 lalu.

Kejohanan yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Ab. Hamid, Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan Darul Khusus merangkap Yang Dipertua MAKSAK Negeri Sembilan itu telah menyaksikan penyertaan seramai lebih kurang 180 orang pemain yang mewakili 18 buah pasukan dari setiap negeri termasuk wakil dari Wilayah Persekutuan Labuan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara dan Angkatan Tentera Malaysia.

Pada kejohanan itu, setiap wakil negeri telah disertai oleh lapan orang pemain dan mereka telah dibahagikan kepada empat orang pemain untuk satu pasukan dan bertanding di dalam dua acara yang berasingan iaitu '*'gross'*' (jumlah pukulan sebenar) dan '*'nett'*' (jumlah pukulan sebenar tolak *handicap*).

Sharul dan Roshaidi, bekas pemain golf SUKMA Perlis telah menggunakan segala pengalaman dan kemahiran mereka untuk membantu MAKSAK Perlis muncul sebagai juara di dalam acara '*'nett'*' dan sekaligus mengharumkan nama Perlis di peringkat kebangsaan di dalam sukan golf.

Hadiah kejohanan telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan di dalam satu majlis penyampaian hadiah yang telah berlangsung di Royal Adelphi, Seremban pada 12 Jun 2005 lalu. Turut hadir ialah Tan Sri Samsudin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara merangkap Yang Dipertua MAKSAK Malaysia.

Sementara itu, di dalam Kejohanan Golf Antara Universiti Awam ke-33 yang telah berlangsung di Palm Villa Golf Resort dan Palm Resort Golf & Country Club Senai, Johor pada 18-19 Jun 2005 lalu, Sharul dan Roshaidi sekali lagi telah meneruskan kecemerlangan mereka apabila muncul juara dan naib juara perseorangan bagi kategori '*'gross'*'.

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang telah menjadi tuan rumah pada kejohanan kali ini telah menarik penyertaan hampir 170 orang pemain dari 17 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara. Dengan kelebihan satu pukulan (153), Sharul telah dinobatkan sebagai juara perseorangan bagi edisi kali ini dengan mengalahkan Roshaidi yang juga merupakan juara bertahan. Kemengan tersebut membolehkan KUKUM membawa pulang Piala Pusingan Tun Dr. Mahathir untuk dua tahun berturut-turut.